

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

16. Berapakah bilangan *homestay* di seluruh Negeri Pulau Pinang?
- (a) Berapakah bilangan rumah penginapan *Airbnb*, *Agoda Homes* di seluruh Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Adakah satu garis panduan telah dibuat untuk perkhidmatan penginapan *Airbnb*, *Agoda Homes* di Pulau Pinang? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Terdapat 11 kluster Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di Negeri Pulau Pinang. Ia merangkumi 234 pengusaha *homestay* dengan sejumlah 264 buah bilik.
- (a) Berdasarkan kepada carian di laman web *Airbnb*, terdapat lebih 300 rumah penginapan yang disenaraikan bagi Negeri Pulau Pinang. Manakala, carian di laman web *Agoda Homes* menunjukkan terdapat lebih 1,000 rumah penginapan yang disenaraikan bagi Negeri Pulau Pinang.
 - (b) MBSP sedang menyediakan draf Garis Panduan *Short Stay House* di Seberang Perai. Draf garis panduan tersebut sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyediakan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek bagi menangani isu-isu berkaitan aktiviti ekonomi perkongsian

penginapan seperti *Airbnb* dan *Agoda Homes*. Garis panduan tersebut dijangka akan membantu dari segi memberi panduan mengenai hala tuju penginapan sewaan jangka pendek.

Kerajaan Negeri meneruskan usaha untuk menangani isu ini bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Usaha ini perlu diselaraskan dengan garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sedang dirangka.